

# Pertemuan empat mata Sultan Brunei, Mahathir

**BH 29 OCT 200**

BANDAR SERI BEGAWAN: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengadakan pertemuan empat mata dengan Sultan Hassanal Bolkiah di Istana Nurul Iman, di sini malam ini, sempena lawatan rasmi dua hari ke Brunei Darussalam.

Menurut aturcara lawatan, pertemuan itu akan berlangsung jam 8 malam diikuti santapan malam di tempat yang sama.

Perdana Menteri yang diiringi isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali serta kira-kira 40 pegawai kanan kerajaan, dijadualkan tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei di sini jam 11.30 pagi ini.

Dr Mahathir akan menghadiri jamuan tengah hari bersama rakyat Malaysia di sini, di The Empire Hotel and Country Club.

Ini disusuli dengan majlis mengadap Sultan Brunei di Istana Nurul Iman pada jam 2.30 petang.

Selepas itu, Dr Mahathir akan menghadiri acara menunggang kuda di Kelab Polo Jerudong Park, manakala Dr Siti Hasmah mempunyai acara berasingan di kediaman rasmi Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Brunei Darussalam.

Esok, Dr Mahathir dijadualkan menghadiri acara menunggang kuda sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur jam 11.30 pagi.

Kali terakhir Dr Mahathir melawat Brunei Darussalam pada 1998.